

PERBANDINGAN NILAI KERAJINAN DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL: ANALISIS TEORI HIBRID

Parameswary Shanmugamⁱ & Anida Sarudinⁱⁱ

ⁱ (*Pengarang Bersama*). Pelajar, Universiti Pendidikan Sultan Idris. paramesshan94@gmail.com

ⁱⁱProf. Madya Dr., Universiti Pendidikan Sultan Idris. anida@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Nilai moral memberi gambaran untuk membentuk sikap positif dan pemikiran yang tinggi dalam kalangan pelajar. Kertas ini menentengahkan konsep nilai kerajinan yang dilihat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Peribahasa secara umumnya dapat merakamkan keadaan, sifat, kejadian, peristiwa dan nilai dalam kehidupan; termasuklah nilai kerajinan yang menjadi elemen penting dalam memupuk peradaban masyarakat. Nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu meliputi daya usaha, ketekunan, menepati masa dan cermat dalam melaksanakan tugas. Begitu juga dalam peribahasa Tamil yang memiliki nilai dan falsafah tersendiri. Namun begitu, budaya dan konteks kehidupan masyarakat yang berbeza menjadi faktor dalam mewujudkan persamaan dan perbezaan dari sudut nilai dan falsafah peribahasa. Permasalahan ini membuka ruang kepada penyelidik dalam usaha mengkaji susur-galur perbandingan nilai dan falsafah kerajinan antara peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil menerusi analisis Teori Hibrid yang dipelopori oleh Markus Tendahl (2009). Kajian ini berbentuk kajian kualitatif, iaitu melibatkan analisis kandungan. Instrumen senarai semak digunakan bagi mengenal pasti pencirian elemen kerajinan dalam kedua-dua peribahasa. Fokus diberikan kepada enam data peribahasa pada aras sekolah rendah iaitu tiga data peribahasa Melayu dan tiga data peribahasa Tamil. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai slot kosong dalam rantau konsepsi ruang mental masyarakat Melayu dan India berdasarkan peribahasa yang dikaji. Pengisian slot-slot kosong ini juga diteguhkan dengan beberapa konsep *ad-hoc* yang dapat memperjelas konteks peribahasa dalam kedua-dua budaya, sekaligus menyerlahkan dimensi nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan Tamil. Penggunaan Teori Hibrid menunjukkan satu corak baharu dalam literatur kajian perbandingan antara falsafah peribahasa Melayu dan Tamil. Analisis kajian juga mendapati konsep *ad-hoc* yang digunakan dalam peribahasa Melayu dan Tamil berbeza mengikut akal budi masyarakat Melayu dan India.

Kata kunci: *nilai kerajinan, peribahasa melayu, peribahasa tamil, teori hibrid, ad-hoc*

1.0 PENGENALAN

Makalah ini membincangkan nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berdasarkan analisis teori Hibrid. Kerajinan didefinisikan sebagai usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSR, 2000). Tujuan pengamalan nilai moral adalah untuk membentuk individu seimbang dan holistik yang berpotensi dalam menaakul, berperasaan dan bertingkah laku moral (Tan Bee Piang, Rahimah & Zuraini, 2015). Justeru, A.W. Hamilton (1947) menyatakan bahawa peribahasa menjadi hukum adat dan nasihat moral serta peraturan yang mengawal tindak-tanduk manusia dalam masyarakat Melayu. Dalam kajian Murthy, Fatimah & Zaid (2019), peribahasa Tamil dikenali sebagai *pazha mozhi* di mana *pazha* bermaksud keindahan bahasa yang diguna pakai sejak zaman dahulu dan *mozhi* sebagai bahasa.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti pencirian elemen kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil serta menganalisis nilai kerajinan dalam kedua-dua peribahasa menggunakan Teori Hibrid. Selain itu, makalah ini akan menjelaskan perbandingan nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan Tamil berdasarkan rantau konsepsi. Pencirian elemen kerajinan menyelitikan nilai murni dalam proses pembelajaran peribahasa seperti yang diperlihatkan dalam kajian Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) tetapi makalah ini akan membincangkan nilai kerajinan yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Tamil. Hal ini kerana peribahasa merakamkan perihal, keadaan, sifat, cara, kejadian, peristiwa dan pelbagai nilai dalam

kehidupan masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Tendahl (2006), Stover (2010) dan Rozaimah Rashidin (2018) banyak membuat penelitian metafora menggunakan teks harian dan teks klasik dalam pelbagai perspektif berdasarkan analisis teori Hibrid. Namun, kajian ini melihat nilai kerajinan yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil menggunakan aplikasi teori Hibrid.


Sehubungan dengan itu, kebanyakan pengkaji kurang menyentuh soal perbandingan metafora namun mereka melihat perubahan yang berlaku dalam rantaian makna dari satu tahap ke satu tahap. Misalnya, kajian Rozaimah Rashidin (2018) yang membincangkan metafora emosi seperti marah, amuk dan dendam dalam teks tradisional Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan satu rantaian konsepsi perbandingan berdasarkan data daripada peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Rantaian konsepsi perbandingan ini berfungsi untuk memperlihatkan nilai kerajinan dari sudut perbezaan dan persamaan dalam menyampaikan manfaat kepada manusia. Maka, gabungan teori dan pengalaman membolehkan makna konseptual metafora yang terdapat dalam ruang mental ini ditanggapi dengan berpada (Anida Sarudin, 2018).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ialah senarai semak. Sebanyak tiga data daripada peribahasa Melayu dan tiga data daripada peribahasa Tamil yang digunakan di peringkat sekolah rendah telah dipilih sebagai data kajian. Enam data tersebut dipilih berdasarkan maksudnya yang memaparkan nilai kerajinan dan diorganisasikan berdasarkan keperluan teori Hibrid. Kajian ini menggunakan teori Hibrid dalam penelitian unsur metafora. Teori ini telah dipelopori oleh Markus Tendahl (2009) yang menggabungkan pendekatan linguistik kognitif dan bidang pragmatik melalui Teori Relevans. Seterusnya, teori ini dikemaskini oleh Stover (2010) dengan memperkenalkan Model Proses Tiga Serangkai (*Triple Processing*) yang merangkumi proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses penakbiran.

Menurut Stover (2010), proses simulasi membentuk linguistik kognitif berdasarkan proses pemetaan domain sumber dan domain sasaran yang menghasilkan skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Tambahnya lagi, proses penakbiran merangkumi konsep *ad hoc* peluasan dan penyempitan sebagai satu prosedur pemahaman berdasarkan konteks melalui Teori Relevans. Proses metarepresentasi pula mengandungi representasi imaginasi-pengalaman dan berfungsi sebagai pengantara untuk memberi input kepada proses penakbiran (Stover, 2010; Rozaimah Rashidin, 2018). Maka, penemuan teori Hibrid merupakan cara terkini untuk menjelaskan makna metafora yang bersifat figuratif, tersirat dan implisit.


Jelasnya lagi, Proses Tiga Serangkai berperanan untuk memperoleh makna yang hendak dikomunikasikan yang tersimpan dalam rantaian konsepsi seseorang pendengar atau penutur. Makna ini merupakan sebahagian daripada maklumat dan pengalaman yang dialami oleh manusia serta digunakan secara berulang. Proses pemetaan metafora yang rigid memerlukan satu huraian teori berpada bagi menjelaskan fenomena ini. Oleh itu, teori Hibrid diyakini dapat memberi kefahaman secara tersurat kepada bahasa dan pemikiran manusia. Makalah ini menggunakan rantaian konsepsi perbandingan Tendahl (2009) bagi menganalisis nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan Tamil. Perbandingan dilihat daripada lima aspek yang dimuatkan dalam slot kosong iaitu domain, skema imej, konsep *ad hoc*, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi.




Rajah 1. Model Proses Tiga Serangkai (Triple Processing)

3.0 DAPATAN KAJIAN


Kajian ini telah menganalisis enam data daripada peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil yang menunjukkan nilai kerajinan. Berikut merupakan rantau konsepsi bagi analisis nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berdasarkan Teori Hibrid. Tambahan lagi, rantau perbandingan dijelaskan dalam dapatan kajian. Sebanyak lima slot kosong dipilih bagi memuatkan domain, skema imej, konsep *ad hoc*, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi ke dalam rantau konseptual. Rantau konsepsi perbandingan juga menjelaskan perbezaan dan persamaan yang dihubungkan berdasarkan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil yang telah dianalisis. Berikut adalah rantau konsepsi bagi peribahasa Melayu (Rajah 2) dan rantau konsepsi peribahasa Tamil (Rajah 3). Seterusnya, rantau konsepsi perbandingan untuk kedua-dua peribahasa Melayu dan Tamil ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 2. Rantau konsepti peribahasa Melayu bagi nilai kerajinan.



Rajah 3. Rantau konsepsi peribahasa Tamil bagi nilai kerajinan.



Rajah 4. Rantau konsepsi perbandingan nilai kerajinan bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil.

4.0 PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan merujuk kepada dua data utama yang meneliti peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berdasarkan analisis teori Hibrid menggunakan Model Proses Tiga Serangkai. Data peribahasa Melayu yang digunakan ialah adat *periuik berkerak*, *adat lesung berdedak* manakala data peribahasa Tamil ialah *muyirchi udaiyor igalchi adaiyar*. Proses Tiga Serangkai diaplikasi dalam Jadual 1: Analisis peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Proses simulasi merangkumi domain, skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Proses penakbiran pula melibatkan konsep *ad hoc* peluasan dan penyempitan manakala proses metarepresentasi merupakan nilai tambah kepada proses penakbiran. Kesemua hasil dapatan ditonjolkan pada Rajah 2 dan 3. Kesemua maklumat dalam rantau perbandingan diambil daripada analisis rantau konsepsi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil iaitu Rajah 2 dan 3 bagi menghasilkan rantau perbandingan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.

Rantau perbandingan dalam Rajah 4 yang merangkumi data keseluruhan peribahasa Melayu dan Tamil menunjukkan perbezaan ketara bagi nilai kerajinan dari aspek domain, konsep *ad hoc*, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Peribahasa Melayu menggunakan domain yang berasaskan alatan seperti *periuik* manakala peribahasa Tamil lebih menekankan domain yang berbentuk perbuatan. Dari segi konsep *ad hoc*, peribahasa Melayu menggunakan *ad hoc* peluasan sementara peribahasa Tamil menggunakan *ad hoc* penyempitan. Peribahasa Melayu menggambarkan nilai kerajinan dalam metafora konsepsi sebagai *usaha* dan peribahasa Tamil

menggambarkan metafora konsepsi sebagai kejayaan. Seterusnya, metonimi konsepsi peribahasa Melayu menunjukkan unsur tanggungjawab manakala metonimi konsepsi peribahasa Tamil menunjukkan unsur kewarasan. Persamaan antara rantau konsepsi peribahasa Melayu dan Tamil dapat dilihat dari aspek skema imej aturan linear yang menunjukkan gabungan tindakan bermatlamat. Skema imej lain yang terdapat dalam peribahasa Melayu ialah skema imej daya dan bekas. Skema imej laluan dan bahagian-keseluruhan dilihat dalam peribahasa Tamil.

Secara keseluruhannya, rantau konsepsi perbandingan nilai kerajinan berdasarkan tiga data peribahasa Melayu dan tiga data peribahasa Tamil jelas menunjukkan perbezaan slot kosong dari kesemua aspek iaitu domain, skema imej, konsep *ad hoc*, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi tetapi mempunyai persamaan dari aspek skema imej aturan linear.

Jadual 1. Analisis data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil

PERIBAHASA MELAYU	PERIBAHASA TAMIL
<p><u>Data 1</u></p> <p>Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak.</p> <p>Maksud: Seseorang perlu menanggung kesusahan sekiranya ingin memperoleh keuntungan dalam sesuatu pekerjaan.</p>	<p><u>Data 1</u></p> <p>Muyirchi udaiyor igalchi adaiyar.</p> <p>Terjemahan: Orang yang gigih berusaha pasti akan berjaya.</p> <p>Maksud: Sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang dengan penuh usaha dan keyakinan pasti akan membuahkan hasil.</p>
<p><u>Ad-Hoc: Peluasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak. ii. Periuk alat tanak nasi, lesung alat menumbuk padi. iii. Periuk sentiasa digunakan untuk menanak nasi, lesung digunakan dalam rutin kerja padi. iv. Periuk dan lesung sebagai alatan utama kerja padi. v. Periuk dan lesung sebagai daya usaha, kesungguhan serta kerajinan.* <p>-Leksikal <i>periuk</i> bermaksud sejenis bekas yang diperbuat daripada aluminium untuk menanak nasi.</p> <p>Bukti Korpus: Sisa bubur yang ada di dalam <i>periuk</i> dikikis sehingga licin ke dalam mangkuk. [Sumber: Hamidi Md. Yudin, 2018, Sastera: Harga Sebuah Tablet]</p> <p>-Leksikal <i>lesung</i> pula merujuk kepada sejenis alat untuk menumbuk padi.</p> <p>Bukti Korpus: Sebenarnya, aku nak pinjam <i>lesung</i> kau untuk menumbuk padi.</p>	<p><u>Ad-Hoc: Penyempitan</u></p> <p>-Leksikal <i>gigih</i> menggambarkan perbuatan bekerja keras, destinasi menuju kejayaan dan usaha yang mengubah imej diri.</p> <p>-Maksud yang sesuai dengan konteks peribahasa ialah usaha mengubah imej diri.</p> <p>-Leksikal <i>gigih</i> [metafora linguistik] dianggap kabur kerana mempunyai makna rujukan yang pelbagai iaitu daya upaya, ikhtiar dan alternatif.</p> <p>-Leksikal <i>gigih</i> dalam konteks data ini merujuk kepada perubahan imej diri dalam mencapai kejayaan.</p> <p>-Berdasarkan ad hoc penyempitan, inferens dalam lingkungan [C*] paling relevan bagi leksikal <i>gigih</i>.</p> <p>-Leksikal <i>gigih</i> merujuk kepada usaha mengubah imej diri dalam konteks yang ingin disampaikan menerusi interpretasi data [1].</p> <p>-Makna dalam lingkungan [L] digugurkan seperti dalam rajah.</p>

[Sumber: Doughlas Jaga, 1998, Sastera: *Kelingkang*]


-Dalam konteks ini, daya usaha merujuk kepada proses menumbuk padi dan kerajinan merujuk kepada sikap masyarakat Melayu dalam menyediakan makanan terutamanya nasi sebagai makanan ruji.

-Kegunaan lesung untuk menumbuk bahan hingga lumat memaparkan kesungguhan manusia dalam membuat sesuatu perkara sehingga berjaya dan sempurna.

-Kesan berkerak dan berdedak menunjukkan daya usaha yang digunakan oleh manusia dalam menyelesaikan sesebuah kerja dengan baik.

-Pancaran nilai kerajinan sangat jelas ditunjukkan dalam data ini menerusi periuk dan lesung.


-Oleh hal yang demikian, interpretasi [v] dipilih sebagai kesimpulan implikatur berdasarkan konteks data [1].



Bukti Korpus: Pasukan bola sepak Perancis kini gigih berlatih menjelang suku akhir bagi menentang Sepanyol.

[Sumber: Lemerre, 2000, Sukan: *Perancis di landasan kemenangan*]

Skema Imej: Bekas



-Periuk dan lesung menginterpretasikan pengalaman dalam proses menanak nasi dan menumbuk padi menerusi skema imej bekas.


-Penggunaan periuk dan lesung menggambarkan bahawa sesuatu perkara memberi kesan kepada perkara lain.

-Berdasarkan skema imej bekas, terdapat dua sisi iaitu dalam dan luar.

-Sisi dalam bekas menggambarkan inti yang dikandung manakala sisi luar bekas memberi perspektif tentang sisa tumbukan yang terpercik daripada sisi dalam bekas.

-Segala daya kerajinan difokuskan dalam satu ruang.

Skema Imej: Aturan Linear



-Titik A ke B merupakan sumber laluan matlamat yang mempunyai unsur pengaliran dan dikaitkan dengan masa.

-Leksikal *gigih* menunjukkan unsur pergerakan yang mempunyai matlamat atau hala tuju.

-Berdasarkan skema imej aturan linear, seseorang yang gigih berusaha pasti akan menempuh laluan untuk mencapai matlamat yang diimpikan.

<p><u>Pemetaan Domain</u></p> <table border="0"> <tr> <td>Domain Sumber</td> <td></td> <td>Domain Sasaran</td> </tr> <tr> <td>Periuk dan lesung</td> <td>→</td> <td>Bekas</td> </tr> <tr> <td>Berkerak dan berdedak</td> <td>→</td> <td>Daya Usaha</td> </tr> </table>	Domain Sumber		Domain Sasaran	Periuk dan lesung	→	Bekas	Berkerak dan berdedak	→	Daya Usaha	<p><u>Pemetaan Domain</u></p> <table border="0"> <tr> <td>Domain Sumber</td> <td></td> <td>Domain Sasaran</td> </tr> <tr> <td>Usaha mengubah imej diri</td> <td>→</td> <td>Kerajinan</td> </tr> </table>	Domain Sumber		Domain Sasaran	Usaha mengubah imej diri	→	Kerajinan
Domain Sumber		Domain Sasaran														
Periuk dan lesung	→	Bekas														
Berkerak dan berdedak	→	Daya Usaha														
Domain Sumber		Domain Sasaran														
Usaha mengubah imej diri	→	Kerajinan														
<p><u>Metafora Konsepsi</u></p> <p>Kerajinan adalah Daya Usaha</p>	<p><u>Metafora Konsepsi</u></p> <p>Kerajinan adalah Kesungguhan untuk Menang</p>															
<p><u>Metonimi Konsepsi</u></p> <p>Kesan Berkerak dan Berdedak melambangkan Kerajinan</p>	<p><u>Metonimi Konsepsi</u></p> <p>Kesungguhan melambangkan Kerajinan</p>															
<p><u>Contoh Ayat</u></p> <p>Jason sentiasa belajar bersungguh-sungguh supaya cita-citanya menjadi seorang doktor tercapai kerana dia tahu <u>adat periuk berkerak, adat lesung berdedak</u>.</p> <p>[Sumber: Siti Sarah Ibrahim, 2014, Buku Teks Bahasa Melayu KSSR, Tahun 4]</p>	<p><u>Contoh Ayat</u></p> <p>Araiyaandu thervil kuraintha mathipengalai petra Meghan <u>muyarchi udaiyar igalchi adaiyar</u> enpatharkoppa manamthalaraamal padithathaal iruthiyaandu thervil sirantha mathipengalai petran.</p> <p>[Sumber: Saraswathy Kannan 2016, Buku Teks Bahasa Tamil SJKT, Tahun 1]</p>															

Jadual di atas menunjukkan perbandingan nilai kerajinan bagi data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil secara lengkap dan menyeluruh berdasarkan analisis Teori Hibrid. Penggunaan teori ini menunjukkan satu corak baharu dalam penelitian metafora hidup yang menjadi nilai didikan amalan masyarakat.

5.0 KESIMPULAN

Kajian terhadap peribahasa yang berlandaskan teori masih kurang mendapat sambutan dalam kalangan penyelidik. Makalah ini akan memberi satu paparan analisis terbaru terhadap penelitian metafora atau peribahasa kepada kajian sebelumnya dan kajian yang akan datang. Analisis Teori Hibrid membuktikan konsep *ad hoc* bagi nilai kerajinan yang digunakan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berbeza mengikut falsafah dan akal budi masyarakat Melayu dan India. Kajian ini juga dipercayai memberi perspektif baharu kepada kajian berdasarkan peribahasa kerana diteliti dari aspek linguistik kognitif dan pragmatik. Perbandingan rantau konsepsi turut menghasilkan pengetahuan baharu dalam bidang semantik.

RUJUKAN

- Anida Sarudin. (2018). Proses pengadunan metafora Melayu berteraskan teori Blending. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin & Maslida Yusof, *Kiasan, kognitif dan akal budi Melayu*. (hlmn. 126-147). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamilton A.W. (1947). *Malay proverbs*. Singapore: Eastern University Press Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral: Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Murthy, T., Fatimah Subet & Mohd Zaid Daud. (2019). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Jurnal Humanika*. 11(1), 73-80.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Huda Mohd Saad & Rozaimah Rashidin. (2012). Skema imej dan pemetaforaan fikiran. Dlm. Fazal Mohd, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi, *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus*. (hlmn. 247-262). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ritchie, D.L. (2013). *Metaphor: Key topics in semantics and pragmatics*. New York: Cambridge University Press.
- Rozaimah Rashidin. (2018). Metafora emosi dalam teks tradisional Melayu: Analisis Teori Hibrid. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, *Semantik dan interpretasi*. (hlmn. 383-430). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stover, H. (2010). *Metaphor and relevance theory: A new Hybrid model*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan. United Kingdom: University of Bedfordshire.
- Tan Bee Piang, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil. (2015). Peranan guru dalam membina iklim moral dalam bilik darjah. *Jurnal Perspektif*, 7(3), 87-95.
- Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. Germany: University of Dortmund.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah menaja kertas kerja ini. Amanah IPS-FBK [UPSI/FBK/KEW/737/19 (28)].

Biodata Ringkas Penulis

Parameswary Shanmugam merupakan pelajar Sarjana Falsafah (Pendidikan Bahasa Melayu) Tahun Pertama di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau sedang menjalankan kajian dalam bidang semantik berkaitan dengan Analisis Perbandingan Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil Berdasarkan Teori Hibrid.

Anida Sarudin (PhD) merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik, Wacana dan Korpus. Pemakalah aktif menyumbang ilmu dalam penulisan jurnal dan buku ilmiah. Antara karya ilmiah yang dihasilkan ialah Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab Melayu (Terbitan Dewan Bahasa dan Pusaka) serta Linguistik dan Manfaat dalam Pendidikan Bahasa Melayu (Terbitan Penerbit UPSI).